

Peranan kerajaan masih penting dalam sektor korporat

BH - 6 MAR 2002

Oleh Abdul Halim Yusoff

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan masih berperanan dalam sektor korporat tempatan walaupun pemikiran semasa menjuruskan supaya pasaran dibiarkan membuat pengawal seliaan sendiri.

Dr Mahathir berkata, sebaliknya, kerajaan dan peserta pasaran perlu bekerjasama bagi mencapai objektif mengukuhkan ekonomi dan taraf sosial negara.

"Pasaran tidak bebas daripada rasuah kuasa jika

Pasaran tidak bebas daripada rasuah kuasa jika kuasa diberikan kepadanya secara eksklusif

kuasa diberikan kepadanya secara eksklusif," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Korporat Bursa Saham Kuala Lumpur 2001, di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri berkata, terdapat banyak kes yang membuktikan kepercayaan pasaran boleh membuat pengawal seliaan sendiri, malah mendisiplinkan kerajaan adalah satu perkara yang

mengarut.

"Pasaran perlukan kerajaan kerana pasaran bertujuan membuat keuntungan sementara kerajaan memberi perhatian terhadap kesejahteraan rakyat dan negara," katanya.

Perdana Menteri memberikan contoh beberapa kes bahawa pengawal seliaan sendiri pasaran adalah mengarut.

Itu termasuk kes Long Term

Capital Management (LTCM) di Amerika Syarikat yang hampir membawa kedudukan kewangan negara itu ke kancuh kehancuran dan kes Enron Corp yang disebabkan penipuan besar-besaran dan penyelewengan akaun.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa campur tangan untuk menghalang perkara itu daripada berlaku.

Dr Mahathir berkata, dalam kerajaan kerajaan juga boleh berlaku amalan rasuah, tetapi di dalam sistem demokrasi, kerajaan yang rasuah tidak akan kekal berkuasa lama.

"Sebuah kerajaan yang

bebas rasuah dan dikawal selia dengan betul dan sektor swasta yang telus akan memastikan pertumbuhan pesat ekonomi sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun, keadaan itu adalah harapan yang terlalu besar.

Kerajaan perlu dibendung oleh sektor swasta melalui keengganan melabur, dan sektor swasta pula terpaksa melalui pengawal seliaan dan pengawasan kerajaan, katanya.

Dr Mahathir berkata, bagaimanapun ia tidak bermaksud sektor swasta tidak harus cuba membuat penga-

wal seliaan sendiri atau mewujudkan piawaian etika yang tinggi untuk mendisiplinkan mereka yang degil.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menetapkan piawaian dan untuk mengawal selia amalan perniagaan, tetapi kerajaan akan mengelak daripada mengongkong peserta sektor korporat.

Perdana Menteri berkata, krisis kewangan lalu menonjolkan kelemahan dan salah laku banyak syarikat awam.

Bagaimanapun, sesetengah syarikat yang diurus dengan baik hampir tidak terjejas dengan krisis itu.